



2020

GARIS PANDUAN
ANUGERAH KONTRAKTOR CEMERLANG
(BANGUNAN)



BAHAGIAN PENGURUSAN KUALITI
CAWANGAN DASAR DAN PENGURUSAN KORPORAT

PENDAHULUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk menggariskan tatacara permohonan penyertaan dan kriteria penilaian bagi **Anugerah Kontraktor Cemerlang Kategori Bangunan**.

OBJEKTIF

- a) Memberi pengiktirafan kepada kontraktor yang berjaya menyempurnakan projek JKR dengan prestasi cemerlang dan berkualiti.
- b) Menggalakkan persaingan yang sihat antara kontraktor JKR di seluruh Malaysia.
- c) Menggalakkan penggunaan amalan terbaik dalam pengurusan dan pembinaan projek.

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

Syarat-syarat penyertaan adalah seperti berikut:

- a) Anugerah ini dibahagikan kepada **dua (2) kategori** utama mengikut kos projek iaitu:

i.	Projek RM500 ribu hingga RM20 juta
ii.	Projek melebihi RM20 juta

- b) Projek yang didaftarkan dalam **SKALA** sahaja layak untuk bertanding.
- c) Hanya kontraktor yang berjaya menyiapkan projek dalam tempoh yang dibenarkan dalam kontrak sahaja yang layak untuk dicalonkan. Projek yang dicalonkan **mestilah telah memperolehi CPC dalam tahun 2019 sehingga tarikh tutup penyertaan**.
- d) JKR Negeri/Cawangan/Daerah hendaklah melengkapkan borang maklumat kontraktor secukupnya bagi setiap kontraktor yang dicalonkan dan hendaklah dimaklumkan dan mendapat persetujuan daripada kontraktor yang berkenaan.
- e) JKR Negeri/Cawangan/Daerah perlu memastikan kontraktor yang dicalonkan mempunyai dokumen yang lengkap mengikut kriteria penilaian yang telah ditetapkan.

- f) JKR Negeri/Cawangan/Daerah perlu melaksanakan penilaian awal bagi menentukan kontraktor benar-benar layak untuk dicalonkan.
- g) Mana-mana pencalonan yang tidak memenuhi syarat-syarat di atas dan borang penyertaan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.
- h) Keputusan Panel Anugerah JKR adalah muktamad.
- i) Tarikh tutup penyertaan pada **17 Januari 2020 (Jumaat)**.

KRITERIA PENILAIAN DAN PEMBAHAGIAN MARKAH

Kriteria penilaian mengikut keutamaan dan pemberian markah oleh pihak panel adalah seperti di **Lampiran B1**. Penilaian dilaksanakan merangkumi pembuktian dokumentasi serta lawatan di tapak projek oleh panel penilai.

TATACARA PENYERTAAN

Setiap penyertaan mestilah menyempurnakan tindakan-tindakan berikut:

- a) Semua permohonan penyertaan mestilah melalui JKR Cawangan/Negeri/Daerah masing-masing dan melengkapkan borang penyertaan secara dalam talian melalui pautan <https://eanugerah.jkr.gov.my/>
- b) Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berkaitan perkara ini boleh dirujuk kepada pihak urusetia seperti berikut :

URUS SETIA ANUGERAH JKR MALAYSIA
Bahagian Pengurusan Kualiti
Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat
Tingkat 31, Menara Kerja Raya (Blok G), Ibu Pejabat JKR Malaysia
50480 Kuala Lumpur
No. Telefon: 03-2618 8695/8464/8682/8404
Emel: kualiti@jkr.gov.my

KRITERIA PENILAIAN KONTRAKTOR CEMERLANG (BANGUNAN) 2020

BIL.	KRITERIA PENILAIAN	MARKAH WAJARAN
1.	<p>PASUKAN PROJEK KONTRAKTOR</p> <p>1.1 Kecukupan Ahli Pasukan 1.2 Kompetensi Ahli Pasukan 1.3 Penetapan Tugas Dan Tanggungjawab Ahli Pasukan 1.4 Kepimpinan 1.4.1 Pihak Pengurusan 1.4.2 Pengurus Projek 1.5 Komunikasi Pasukan 1.6 Bekerja Sebagai Satu Pasukan</p>	10
2.	<p>PENGURUSAN PROJEK</p> <p>2.1 Penggunaan Sistem Pengurusan Bersepadu JKR 2.1.1 PQP 2.1.2 Mutu Bahan 2.2 Perancangan dan Penjadualan Kerja 2.3 Pengurusan Keselamatan Di Tapak Bina 2.4 Pengurusan Alam Sekitar 2.5 Pengurusan Aduan Orang Awam 2.6 Pengurusan Perolehan 2.7 Pengurusan Sumber Manusia 2.8 Pengurusan Risiko</p>	27

BIL.	KRITERIA PENILAIAN	MARKAH WAJARAN
3.	<p>PENGHASILAN PRODUK BERKUALITI</p> <p>3.1 Pematuhan Kepada Kehendak Kontrak & Spesifikasi 3.2 Mutu Kerja Kemasan 3.3 Kefungsian 3.4 Aduan Pelanggan (Ketika Lawatan Pra-Penyerahan) 3.5 Pematuhan Kepada Keperluan Statutori 3.6 Kajian Kepuasan Pelanggan (Pembinaan & Penyerahan)</p>	50
4.	<p>PERKHIDMATAN SELEPAS SIAP</p> <p>4.1 Penyediaan Lukisan Siap Bina (secara berperingkat dan siap sebelum penyerahan projek) 4.2 Perancangan perkhidmatan dalam tempoh DLP 4.3 Mekanisme Aduan, Pejabat Dan Cadangan Staf/Pegawai Perhubungan.</p>	9
5	<p>INOVASI PEMBINAAN</p> <p>Penjimatan kos/masa/bahan, teknik baru dalam pembinaan dan sebagainya</p>	4
JUMLAH		100

BUTIRAN KRITERIA PENILAIAN KONTRAKTOR CEMERLANG (BANGUNAN) 2020

BIL	KRITERIA PENILAIAN	MARKAH	PENJELASAN KRITERIA	BUKTI (OBJECTIVE EVIDENCE) YANG AKAN DIPERIKSA
1.0	PASUKAN PROJEK KONTRAKTOR	10		
1.1	Kecukupan Ahli Pasukan	2	Jumlah ahli pasukan projek adalah mencukupi mengikut skop projek	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurus Projek • Pengurus Pembinaan • Penjadual Projek, Ukur Bahan, Jurutera Kualiti, Jurutera Tapak • Penyelia Tapak untuk semua bidang
1.2	Kompetensi Ahli Pasukan	2	Kelayakan yang setanding dengan jawatan yang disandang	<ul style="list-style-type: none"> • Kelayakan bagi semua ahli pasukan projek.
1.3	Penetapan Tugas Dan Tanggungjawab Ahli Pasukan	2	Tugas dan tanggungjawab mengikut kelayakan dalam pasukan projek	<ul style="list-style-type: none"> • Tugas & tanggungjawab mengikut fungsi kerja
1.4	Kepimpinan		Penglibatan dan komitmen pihak pengurusan syarikat dan pengurus projek dalam pelaksanaan projek	<ul style="list-style-type: none"> • Bukti Pengarah dan Pengurus Projek menerajui pasukan projek untuk mencapai objektif Masa, Kos, Kualiti dan Kepuasan Pelanggan
1.4.1	Pihak Pengurusan	1		
1.4.2	Pengurus Projek	1		
1.5	Komunikasi Pasukan	1	Penglibatan bersama stakeholder yang terlibat	<ul style="list-style-type: none"> • Komunikasi Matriks • Carta Komunikasi dan bukti penggunaannya

BIL	KRITERIA PENILAIAN	MARKAH	PENJELASAN KRITERIA	BUKTI (OBJECTIVE EVIDENCE) YANG AKAN DIPERIKSA
1.6	Bekerja Sebagai Satu Pasukan	1	Kerjasama di antara pasukan projek dan <i>stakeholder</i>	<ul style="list-style-type: none"> Mesyuarat dalaman dan luaran pasukan projek
2.0	PENGURUSAN PROJEK	27		
2.1	Penggunaan Sistem Pengurusan Bersepadu JKR		Menggunakan sistem kualiti (SPB JKR/ borang kualiti kontraktor) bagi mencapai objektif kualiti projek	<ul style="list-style-type: none"> Project Quality Plan (PQP) Kontraktor Borang NCR kelulusan mock-up & bahan
2.1.1	PQP	6		
2.1.2	Mutu Bahan	4		
2.2	Perancangan dan Penjadualan Kerja	8	Menggunakan (SPB JKR/ borang kualiti kontraktor) bagi mencapai objektif masa projek	<ul style="list-style-type: none"> Kelulusan program kerja dan dikemaskini
2.3	Pengurusan Keselamatan Di Tapak Bina	2	Menggunakan (SPB JKR/ borang kualiti kontraktor) bagi mencapai objektif keselamatan projek	<ul style="list-style-type: none"> Laporan keselamatan <i>Safety briefing</i> HIRARC (Hazard Identification Risk Assessment Risk Control) (projek > 20juta)
2.4	Pengurusan Alam Sekitar	1	Menggunakan (SPB JKR/ borang kualiti kontraktor) bagi mencapai objektif alam sekitar projek	<ul style="list-style-type: none"> Laporan alam sekitar Laporan kemajuan bulanan

BIL	KRITERIA PENILAIAN	MARKAH	PENJELASAN KRITERIA	BUKTI (OBJECTIVE EVIDENCE) YANG AKAN DIPERIKSA
2.5	Pengurusan Aduan Orang Awam	2	Menggunapakai (SPB JKR/ borang kualiti kontraktor) bagi menentukan semua aduan orang ramai diambil tindakan	<ul style="list-style-type: none"> Laporan aduan orang awam
2.6	Pengurusan Perolehan	1	Memastikan peraturan kewangan dan perolehan kerja dibuat secara teratur dan jelas	<ul style="list-style-type: none"> Delivery Order (DO) Sebutharga untuk sub-kontrak Inbois pembayaran kepada pembekal
2.7	Pengurusan Sumber Manusia	2	Memastikan pekerja yang berkeelayakan dan sah	<ul style="list-style-type: none"> Sijil latihan dan kursus Dokumen & permit pekerja Sijil penghargaan dan lain-lain
2.8	Pengurusan Risiko	1	Perancangan dan pemantauan pengurusan risiko daripada peringkat awal pelaksanaan projek	<ul style="list-style-type: none"> Pelan Pengurusan Risiko Tindakan yang diambil bagi menangani isu
3.0	PENGHASILAN PRODUK BERKUALITI	50		
3.1	Pematuhan Kepada Kehendak Kontrak & Spesifikasi	10	Pelaksanaan skop kerja adalah mengikut keperluan kontrak dan spesifikasi	<ul style="list-style-type: none"> Sijil SIRIM terhadap bahan yang digunakan Senarai pembekal yang diluluskan oleh JKR Sistem ISO yang digunakan (sekiranya ada)

BIL	KRITERIA PENILAIAN	MARKAH	PENJELASAN KRITERIA	BUKTI (OBJECTIVE EVIDENCE) YANG AKAN DIPERIKSA
3.2	Mutu Kerja Kemasan	15	Penggunaan bahan dan hasil kerja mengikut spesifikasi	<ul style="list-style-type: none"> Laporan mock-up kerja yang disediakan (gambar) Senarai kerja mahir (jika berkaitan)
3.3	Kefungsian	10	Memastikan ruang dan peralatan berfungsi mengikut keperluan rekabentuk	<ul style="list-style-type: none"> Pengujian & pentauliahan yang dibuat pra-pemeriksaan bersama JKR
3.4	Aduan Pelanggan (Ketika Lawatan Pra-Penyerahan)	5	Aduan pelanggan pra-penyerahan dan kerja pembaikan dilaksanakan	<ul style="list-style-type: none"> Senarai semak kecacatan pra-penyerahan Tindakan yang diambil (termasuk gambar sebelum & selepas)
3.5	Pematuhan Kepada Keperluan Statutori	5	Mematuhi semua keperluan statutori yang dinyatakan untuk projek	<ul style="list-style-type: none"> Surat kelulusan daripada badan statutori
3.6	Kajian Kepuasan Pelanggan (Pembinaan & Penyerahan)	5	Melaksanakan kajian kepuasan pelanggan pada peringkat pembinaan dan penyerahan	<ul style="list-style-type: none"> Borang Kajian Kepuasan Pelanggan Tindakan penambahbaikan (jika ada). Surat dan sijil penghargaan daripada pelanggan
4.0	PERKHIDMATAN SELEPAS SIAP	9		
4.1	Penyediaan Lukisan Siap Bina (secara berperingkat dan siap sebelum penyerahan projek)	5	Lukisan siap bina disediakan secara berperingkat dan perlu diserahkan sebelum serahan projek supaya semakan dapat dilakukan	<ul style="list-style-type: none"> Surat penyerahan lukisan siap bina Log lukisan siap bina

BIL	KRITERIA PENILAIAN	MARKAH	PENJELASAN KRITERIA	BUKTI (OBJECTIVE EVIDENCE) YANG AKAN DIPERIKSA
4.2	Perancangan perkhidmatan dalam tempoh DLP	2	Perkhidmatan penyelenggaraan dirancang supaya kepuasan pelanggan/pengguna dapat dicapai	<ul style="list-style-type: none"> • Rekod kerja penyelenggaraan semasa tempoh kecacatan (DLP) • Dokumen operasi & penyelenggaraan perkhidmatan (O&M)
4.3	Mekanisme aduan, pejabat dan cadangan staf/pegawai perhubungan	2	Kaedah dan penyaluran aduan pengguna dibuat secara sistematik dan diambil tindakan	<ul style="list-style-type: none"> • Rekod dan laporan perkhidmatan (cth: borang, <i>hotline</i>, <i>SMS</i>, web dll). • Surat dan sijil penghargaan daripada pelanggan
5.0	INOVASI PEMBINAAN Penjimatan kos/masa/bahan, teknik baru dalam pembinaan dan sebagainya	4	Penemuan dan kaedah baru dalam pengurusan dan pembinaan projek yang memberi impak kepada penjimatan kos, masa & bahan	<ul style="list-style-type: none"> • Gambar, dokumen, produk atau perkhidmatan yang dibangunkan